



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2017

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di atas keprihatinan Kerajaan serta menghargai khidmat bakti penjawat awam.

3. Kerajaan juga bersetuju memanjangkan pemberian BKK sebanyak RM250.00 kepada pesara Kerajaan yang menerima pensyen.

PELAKSANAAN

4. BKK diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 meliputi:

- 4.1 pegawai lantikan tetap, sementara, *contract of service*¹ dan guru interim;
- 4.2 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 4.3 pegawai yang bercuti tanpa gaji;
- 4.4 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- 4.5 pemandu yang dilantik oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- 4.6 pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saraan Hakim 1971.

PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

5. BKK sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.

¹ Bagi pegawai di bawah *contract for service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

PESARA

6. BKK kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen akan dibayar sebanyak RM250.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

7. Pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* dan sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 layak dibayar BKK sebanyak RM500.00 sahaja. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017.

PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

8. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia sebelum atau pada 1 Jun 2017 layak dibayar BKK kepada penerima pencen terbitan sebanyak RM250.00.

TARIKH PEMBAYARAN

9. BKK sebanyak RM500.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan RM250.00 kepada pesara Kerajaan akan dibayar sebelum 9 Jun 2017.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

10. Pembayaran BKK ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada 2 Jun 2017.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

5 Jun 2017

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan